

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keseriusan Kerajaan dalam menguatkuasakan Garis Panduan Hiburan Dalam Islam yang diterbitkan oleh Jakim agar insiden ketika Konsert K-POP tidak berulang.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya kebenaran menganjurkan penggambaran filem dan persembahan artis luar Negara adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(KKMM). Bagi membantu Jawatankuasa ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan Garis Panduan Hiburan Dalam Islam yang bertujuan untuk memelihara tatasusila dan akhlak penghibur dan penonton agar mengikut tuntutan syarak.

Antara isi kandungan garis panduan tersebut ialah persembahan yang tidak mengandungi ungkapan yang melanggar akidah dan syariat Islam, dan persembahan artis serta interaksi dengan penonton hendaklah secara sopan dan disertai kata-kata yang boleh membina nilai-nilai kemanusiaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI ONG KA CHUAN
(TANJUNG MALIM)
TARIKH : 30.3.2015
(ISNIN)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan yang bakal dilakukan oleh Kementerian untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) setelah diumumkan penangguhannya oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Januari yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri pada 20 Januari 2015 yang lalu telah mengumumkan penangguhan PLKN bagi tahun 2015 sewaktu ucapan sempena Perutusan Khas Tentang Perkembangan Ekonomi Semasa dan Kedudukan Kewangan Negara.

Sehubungan dengan itu Kementerian Pertahanan dengan kerjasama PEMANDU sedang melaksanakan Makmal Transformasi PLKN bermula dari 23 Februari hingga 27 Mac 2015 bagi menilai semula pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) serta mendapatkan pandangan bagi penambahbaikan pelaksanaan PLKN pada masa akan datang. Makmal yang berlangsung selama 5 minggu turut melibatkan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia serta Agensi Kerajaan, pihak swasta, pemain industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga pemegang taruh (*stakeholders*) yang lain seperti ibubapa, bekas pelatih,

pengusaha kem dan lain-lain. Selain itu, kursus untuk jurulatih bagi tujuan penyesuaian dengan cadangan makmal akan dilaksanakan.